



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 6 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM BANTU SEDIA BANTU LANCARKAN BAITUL MAHABBAH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/277323/berita/nasional/kpwkm-bantu-sedia-bantu-lancarkan-baitul-mahabbah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/local/nancy-shukri-kpwkm-willing-to-facilitate-implementation-of-baitul-mahabbah-IB11450932	THESUNDAILY.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006619/kpwkm-sedia-bantu-lancarkan-baitul-mahabbah	HMETRO.COM.MY
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2222639	BERNAMA.COM
	https://www.sinardaily.my/article/207047/malaysia/national/ministry-to-look-into-creating-high-skilled-caregivers-to-prepare-for-ageing-nation---nancy	SINARDAILY.MY
	https://www.sinardaily.my/article/207058/malaysia/national/ministry-to-facilitate-implementation-of-baitul-mahabbah-shelters---nancy	SINARDAILY.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/05/women039s-ministry-to-provide-baitul-mahabbah-shelter-with-caregivers	THESTAR.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70480-kpwkm-sedia-bekerjasama-dengan-kdn	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JELAJAH KASIH KELUARGA SEGULAI SEJALAI	
	https://www.youtube.com/watch?v=WODDJEWVKA	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	727 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DI SELANGOR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006704/727-kes-keganasan-rumah-tangga-di-selangor	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MAINS BANTU TIGA SEKELUARGA MANGSA KEBAKARAN	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/mains-bantu-tiga-sekeluarga-mangsa-kebakaran/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PENGHIDAP DIABETES SEBAK TERIMA ALAT NIAGA SUMBANGAN PERKESO, TH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/penghidap-diabetes-sebak-terima-alat-niaga-sumbangan-perkeso-th/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/pesakit-kencing-manis-sebak-terima-bantuan-perkeso-th/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	TIGA KELUARGA TRAGEDI IBOI PULANG KE RUMAH PILIHAN SENDIRI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/277288/edisi/utara/tiga-keluarga-tragedi-iboi-pulang-ke-rumah-pilihan-sendiri	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	ROHTO EYE CARE BANTU MURID B40 DAPAT PENJAGAAN KESIHATAN MATA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rohto-eye-care-bantu-murid-b40-dapat-penjagaan-kesihatan-mata-435697	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	YAYASAN KOR RISIK FOKUS BANTU ANGGOTA, VETERAN	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/yayasan-kor-risik-fokus-bantu-anggota-veteran/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	YAPEIM PERUNTUK RM40 JUTA LAKSANA PROGRAM SOSIOEKONOMI, PENDIDIKAN, KEBAJIKAN SELURUH NEGARA	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2222709	BERNAMA.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/277325/edisi/melakan/yapeim-sedia-peruntukan-rm40-juta-bantu-peserta-ekasih	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WANITA MAUT DIPATUK ULAR KETIKA CARI SIPUT SUNGAI	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1148729/wanita-maut-dipatuk-ular-ketika-cari-siput-sungai	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/wanita-ditemukan-meninggal-dunia-dipatuk-ular/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-terapung-wanita-cari-siput-maut-dipatuk-ular-polis-kanowit-435955	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/277331/berita/semasa/wanita-cari-siput-maut-dipatuk-ular	SINARHARIAN.COM.MY
	https://majoriti.com.my/berita/2023/09/05/video-ahli-keluarga-meraung-temui-wanita-meninggal-dunia-dipatuk-ular-terapung-dalam-sungai	MAJORITI.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/05/wanita-cari-siput-maut-dipatuk-ular/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WANITA BERJOGING CEMAS LIHAT LELAKI KELAKUAN TIDAK SENONOH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/277430/berita/semasa/wanita-berjoging-cemas-lihat-lelaki-kelakuan-tidak-senonoh	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006560/wanita-berjoging-trauma-lihat-lelaki-beronani	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PENDIDIKAN, RANGKA KERJA BERI KESAN KEPADA TENAGA BURUH WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/277427/berita/nasional/pendidikan-rangka-kerja-beri-kesan-kepada-tenaga-buruh-wanita	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	[VIDEO] DIBELASAH SELEPAS TEGUR KACAU TEMAN WANITA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/video-dibelasah-selepas-tegur-kacau-teman-wanita/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	TUKANG URUT TAK MENGAKU GUNA KEKERASAN CABUL PESAKIT WANITA	
	https://www.youtube.com/watch?v=WOM6gnHOofU	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
15	ABANG IPAR KEPADA WANITA DIROGOL BERGILIR-GILIR DIBERKAS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/abang-ipar-kepada-wanita-dirogol-bergilir-gilir-diberkas/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1006708/hutang-dipercayai-punca-wanita-dirogol-bergilir-gilir	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-bergilirlgilir-polis-tahan-abang-ipar-mangsa-435885	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	UK ALU-ALUKAN PAKAIAN WANITA ISLAM, KEPELBAGAIAN BUDAYA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/277362/berita/nasional/uk-alu-alukan-pakaian-wanita-islam-kepelbagaian-budaya	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	POLIS TAHAN PENGASUH DERA KANAK-KANAK DUA TAHUN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-pengasuh-dera-kanakkanak-dua-tahun-436030	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/277402/berita/semasa/pengasuh-diberkas-dipercayai-dera-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1148976/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006714/pengasuh-dipercayai-cederakan-budak-ditahan	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/budak-2-tahun-cedera-didera-pengasuh-taska/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/05/pekerja-wanita-pusat-asuhan-disyaki-dera-kanak-kanak-ditahan-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/pengasuh-dipercayai-cedera-kanak-kanak-2-tahun-ditahan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	IBU BAPA KECAM PENIAGA LETAK VAPE SEBELAH MAKANAN RINGAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/ibu-bapa-kecam-peniaga-letak-vape-sebelah-makanan-ringan/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	TAMAN PERMAINAN ROSAK, BERKARAT JADI PERHIASAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/taman-permainan-rosak-berkarat-jadi-perhiasan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	BOMOH DITUDUH CABUL PESAKIT KETIKA BERI RAWATAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/bomoh-dituduh-cabul-pesakit-ketika-beri-rawatan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/mahkamah-bomoh-didakwa-cabul-pesakit-wanita/	KOSMO.COM.MY
	https://negaramerdeka.com/bomoh-warga-emas-berdepan-hukuman-penjara-10-tahun-dan-sebatan-gara-gara-kesalahan-mencabul/	NEGARAMERDEKA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
21	ELAK JADI MANGSA 'SCAMMER' PERKAHWINAN, TERJEBAK LELAKI MALAS BEKERJA	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/09/1148774/elak-jadi-mangsa-scammer-perkahwinan-terjebak-lelaki-malas-bekerja	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	KANAK-KANAK DERITA HIDAP BARAH SARAF PERLU BANTUAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kanak-kanak-derita-hidap-barah-saraf/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	IRDINA PERLU RM100,000 UNTUK BEDAH JANTUNG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1006593/irdina-perlu-rm100000-untuk-bedah-jantung	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	BINCANG PENSTRUKTURAN SEMULA GAJI GURU KEMAS	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1148968/bincang-penstruktur-an-semula-gaji-guru-kemas	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	MURID TAHUN ENAM DAKWA CUBA DICULIK LELAKI TAWAR GULA-GULA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/murid-tahun-enam-dakwa-cuba-diculik-lelaki-tawar-gula-gula/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	MAYAT WARGA EMAS DITEMUI TERDUDUK DALAM RUMAH BERKUNCI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/05/mayat-warga-emas-ditemui-terduduk-dalam-rumah-berkunci/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	WARGA EMAS HILANG KETIKA Mencari KAYU DITEMUKAN MENINGGAL DUNIA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/warga-emas-hilang-ketika-mencari-kayu-ditemukan-meninggal-dunia/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
28	100 ASNAF, OKU TERIMA SUMBANGAN AGONG	
	https://wartaoriental.com/2023/09/05/100-asnaf-oku-terima-sumbangan-agong/	WARTAORIENTAL.COM



TAJUK :	ABANG IPAR MANGSA ROGOL BERKUMPULAN KENA TAHAN		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	06 SEPT 2023	M/SURAT :	20
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Abang ipar mangsa rogol berkumpul kena tahan

Kuala Lumpur: Seorang daripada lima lelaki yang diburu kerana merogol seorang wanita secara berkumpul di sebuah rumah di Wangsa Maju dekat sini, minggu lalu ditahan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata suspek berusia 29 tahun itu ditahan pada Sabtu lalu.

Katanya, suspek ditahan kira-kira jam 11.30 malam di hadapan sebuah premis di Wangsa Maju.

“Suspek yang ditahan adalah abang ipar kepada mangsa, suspek kini ditempatkan di Lokap Berpusat Jinjang dan direman enam hari untuk membantu siasatan.


“Pada masa ini, polis sedang giat memburu empat lagi suspek yang masih bebas,” katanya kepada *BH*, semalam.

Khamis lalu, *BH* melaporkan polis mengesan lima lelaki termasuk abang ipar seorang wanita yang menjadi mangsa rogol berkumpul dalam kejadian itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 pagi pada 30 Ogos itu, mangsa yang berusia 27 tahun sedang tidur sebelum tersedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh seorang suspek.

Tangannya kemudian diikat dan mulut dilekatkan dengan pita pelekat sebelum dirogol bergilir-gilir dan perbuatan itu turut dirakam suspek.

Selepas memperkosa mangsa, semua suspek melarikan diri. Mangsa cedera dan lebam pada tangan akibat kejadian itu.



TAJUK :	KPWKM SEDIA BANTU URUSAN BAITUL MAHABBAH		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	06 SEPT 2023	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

KPWKM sedia bantu urusan Baitul Mahabbah

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedia bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membantu melancarkan inisiatif penempatan sementara Baitul Mahabbah bagi kanak-kanak warga asing.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata perbincangan awal sebelum ini sudah bersetuju supaya KDN menyediakan premis untuk penempatan sementara, manakala KPWKM menawarkan khidmat penjaga.

Beliau berkata, ketika ini beberapa badan bukan kerajaan (NGO) juga sudah menyatakan kesediaan untuk menerima kanak-kanak warga asing itu di premis mereka.

“Sebenarnya sebelum ini me-

mang KDN sudah berbincang dengan kita (KPWKM) untuk menempatkan di institusi kami, tetapi kalau secara segera itu kami belum mendapat kebenaran lagi,” katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan jualan RM1 juta Persatuan Pembangunan Artisans (PPA), di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata KDN sudah membuka penempatan sementara Baitul Mahabbah bagi kanak-kanak warga asing yang sebelum ini ditempatkan di depot imigresen.

Saifuddin berkata, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan menempatkan kanak-kanak berusia kurang 10 tahun di penempatan berkenaan dan sebagai per-

mulaan terdapat 23 kanak-kanak warga asing serta 10 penjaga terdiri daripada ibu kanak-kanak itu ditempatkan di pusat terbabit.

Warga asing terbabit dalam inisiatif itu terdiri daripada kanak-kanak dan ibu kanak-kanak dari Depot Imigresen Bukit Jalil, Depot Imigresen Semenyih, Depot Imigresen KLIA dan Depot Imigresen Eco Millennium Beranang.

Sementara itu, mengenai program semalam, Nancy berkata, PPA menerusi The Artisans Haven mengutip RM1 juta jualan sejak penubuhannya pada 2020.

Beliau berkata, hasil jualan itu membuktikan kreativiti serta dedikasi usahawan wanita dan komuniti, selain mencerminkan sokongan pelbagai pihak kepada

golongan terbabit.

“Saya difahamkan bahawa 10 peratus dari keseluruhan jualan tersebut datang dari entiti korporat dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang ingin menyokong dan memperkasa komuniti wanita dan perniagaan kecil tempatan.

“Sokongan daripada sektor korporat dan SME ini amat bernilai. Ia bukan sahaja membantu mendorong perkembangan usahawan wanita dan komuniti, malah memberikan impak sosial yang positif,” katanya.

Justeru, beliau menyeru syarikat korporat lain untuk mengikut jejak langkah sama untuk memperkasakan usahawan wanita, komuniti dan individu yang memerlukan bantuan.

BERNAMA



TAJUK : ABANG IPAR MANGSA DITAHAN SABTU LALU

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DIROGOL BERGILIR-GILIR

Abang ipar mangsa ditahan Sabtu lalu

Kuala Lumpur: Abang ipar kepada wanita yang menjadi mangsa dalam kejadian rogol bergilir-gilir di sebuah rumah di Wangsa Maju, di sini, berjaya ditahan pada Sabtu lalu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisyoner Siti Kamsiah Hassan berkata, suspek lelaki berusia 29 tahun itu ditahan di hadapan sebuah premis di Wangsa Maju, di sini.

“Suspek direman selama enam hari sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan dan polis kini giat memburu lima lagi suspek yang masih bebas,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.


Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang wanita sedang tidur ‘diserang’ lima lelaki sebelum diperkosa secara gilir-gilir pada 30 Ogos lalu.

Dalam kejadian jam 3.30 pagi, mangsa berusia 27 tahun tersedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh suspek yang dipercayai rakan kepada abang iparnya.

Difahamkan, suspek turut bertindak mengikat tangan dan menutup mulut mangsa dengan pita pelekat sebelum mereka memperkosanya dan merakam perbuatan terkutuk itu.

Berikutan itu, polis menerima laporan segera menjalankan siasatan dan memburu lima suspek serta abang ipar mangsa yang dipercayai sudah melarikan diri.

“Suspek direman selama enam hari sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan dan polis kini giat memburu lima lagi suspek yang masih bebas”



GAMBAR hiasan.



TAJUK : BAYI 45 HARI MAUT KERETA BAPA TERBABAS

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi 45 hari maut kereta bapa terbabas

Muar: Bayi lelaki berusia 45 hari maut apabila kereta dipandu bapanya terbabas selepas merempuh dua motosikal yang terbabit kemalangan di Kilometer 144.40, Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Pagoh, kelmarin.

Turut maut dalam kemalangan jam 3.10 pagi itu ialah penunggang motosikal lelaki berusia 20 tahun.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, kejadian bermula sebuah motosikal terbabas dan jatuh di tengah laluan lebuh raya.

Katanya, kemudian datang sebuah lagi motosikal ditunggang seorang lagi lelaki dari arah belakang gagal mengelak lalu merempuhnya.

Pada masa sama, terdapat sebuah kereta Mercedes Benz dinaiki lima se-

keluarga gagal mengelak lalu merempuh kedua-dua penunggang terbabit.

"Rempuhan itu menyebabkan kereta terbabit terbabas ke tepi jalan. Seorang penunggang maut di tempat kejadian manakala bayi lelaki terbabit meninggal dunia ketika mendapat rawatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar.


"Seorang lagi penunggang motosikal serta empat sekeluarga yang menaiki Mercedes itu masih dirawat di hospital sama," katanya dalam satu kenyataan.

Raiz Mukhliz berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Orang ramai mempunyai maklumat mengenai kejadian itu diminta tampil ke balai polis berhampiran bagi membantu siasatan," katanya.



KEADAAN kereta dinaiki mangsa selepas terbabit kemalangan di Kilometer 144.40, Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Pagoh.



TAJUK : DEMI RAIKAN MAJLIS TAULIAH ANAK BONGSU

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



MUHAMMAD Faeis bersama ibunya, Siti Salamah.



MUHAMMAD Faeis bersama ayahnya, Mohd Sidi.

Demi raikan majlis tauliah anak bongsu

Pasangan berpisah 5 tahun lalu hadir tamat latihan dan pentauliahan anak jadi viral

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muhamaram@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Meskipun sudah lima tahun berpisah, Mohd Sidi Mahmud, 59, dan Siti Salamah Sulaiman, 56, tetap hadir ke majlis tamat latihan dan pentauliahan anak bongsu mereka, Muhammad Faeis Mohd Sidi sebagai perajurit muda Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Akademi Tentera Udara Ipoh, Perak pada 2 September lalu.

Detik itu sempat dirakam anak kelima mereka, Nurul Aisyah Mohd Sidi, 24, sebelum memuat naiknya di TikTok.

Bercerita lanjut, Nurul Aisyah berkata, video itu dirakam selepas tamat majlis iaitu ketika pelatih datang berjumpa ke-

uarga masing-masing.

"Saya rakam kerana gembira tengok (detik itu) memandangkan sudah lama kami tak jumpa ayah, kali pertama (selepas berpisah dengan ibu) pada tahun lalu ketika majlis perkahwinan sepupu dan tempoh hari yang kedua.

"Sangat luar biasa melihat emak dan ayah ada bersama di satu tempat walau dalam keadaan serta situasi berbeza.

"Ibu dan ayah tak bercakap dengan satu sama lain, tetapi tetap datang. Itu yang penting kerana adik perlukan ibu dan ayah untuk ada bersama meraikan kejayaannya," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, perkongsian video itu mendapat banyak maklum balas positif daripada warga TikTok.

"Ada yang terharu menonton video itu kerana mereka rindu kenangan dengan ayah mereka.

"Saya faham kerana setiap anak mahu yang terbaik untuk ibu bapa mereka tapi kita kena terima ketentuan-Nya ke-

rana sesungguhnya, perancangan Allah adalah yang terbaik.

"Niat saya kongsi video itu untuk kenangan dan simpan ia memori supaya dapat tengok semula nanti," katanya.


Nurul Aisyah berkata, selain kongsi kegembiraan melihat kejayaan adik, video dimuat naik juga bagi menzahirkan perasaan bangga terhadap pengorbanan ibunya berstatus ibu tunggal.

"Selepas berpisah dengan ayah, emak yang jadi ibu dan bapa serta banyak berkorban untuk membesarkan kami.

"Walaupun membesar tanpa ayah, emak mampu besarkan kami adik-beradik dan bantu adik sambung pengajian," katanya.

Menurutnya, ia sesuatu luar biasa kerana mereka bukan daripada keluarga senang, tetapi adiknya sampai ke tahap itu.

"Adik sebenarnya tak harapkan emak kerana sejak tingkatan tiga, dia berdikari cari duit poket bantu peniaga di pasar malam," katanya.



TAJUK : PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL TAK MENGAKU CABUL PESAKIT WANITA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pengamal perubatan tradisional tak mengaku cabul pesakit wanita

Kuala Terengganu: Seorang pengamal perubatan tradisional mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mencabul pesakitnya.

Tertuduh, Zainal Che Omar, 62, membuat pengakuan itu sebelum mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Noor Mazrinie Mahmood.

Mengi-

kut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan kekerasan jenayah dengan mencabul seorang wanita berusia 31 tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di daerah ini, antara jam 8 malam hingga jam 8.45 malam pada 26 Jun lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksa-

an berdepan hukuman penjara hingga 10 tahun, denda atau sebat, jika sabit kesalahan.


Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 5 Oktober ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,500 dengan seorang penjamin.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Aisyah Mohamad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah benar tertuduh diikat jamin RM4,500 dengan seorang penjamin



ANGGOTA polis mengiringi Zainal di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, semalam.



TAJUK : RAYU SUMBANGAN RM100,000

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 24&25

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



IRDINA bersama ibu dan bapa angkatnya.

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hme-
tro.com.my

RAYU SUMBANGAN RM100,000

Budak enam tahun alami komplikasi jantung kongenital mohon dana buat pembedahan prosedur Fontan

Kuala Lumpur

Pada usia enam tahun, Nur Irdina Sofia Abdul Muiz berdepan dugaan apabila bukan sahaja disahkan menghidap autisme tahap ringan (*mild autisme*), malah turut mengalami komplikasi jantung kongenital sejak lahir.

Berikutan itu, Nur Irdina Sofia atau dipanggil Irdina sudah menjalani tiga pembedahan iaitu *BT Shunt* dan *Glenn Shunt* akibat *Tricuspid Atresia*, *Pulmonary Atresia Restrictive ASD* dan *proximal LPA stenosis* sejak berusia dua bulan hingga dua tahun.

Meskipun begitu, keadaan Irdina belum sembuh sepenuhnya kerana perlu menjalani pembedahan keempat iaitu prosedur Fontan di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM100,000.

Ibu angkatnya, Nurul Diyanah Othman, 34, berkata dia hanya suri rumah manakala suaminya, Nurul Faizal Mustapa, 44, hanya mencari rezeki sebagai pemandu traktor dengan pendapatan RM1,500.

Menurutnya, mereka yang menetap di Ladang Sindora Jalan Kota Tinggi-Kluang, Johor memang tidak mampu mencari wang untuk menampung kos pembedahan itu. "Saya dan suami berkahwin sejak 2010 sebelum ambil Irdina daripada ibu kandungnya untuk dijadikan anak angkat pada 2017.

"Selepas lahir, kami bawa Irdina pulang ke rumah dan tak sedar dia ada masalah (kesihatan) kerana mulanya nampak macam biasa. Bagaimanapun, saya ada nampak lekuk pada dada dan selepas diberi minum

suju, muka Irdina bertukar pucat kebiruan.

"Tanpa berleghang, saya dan suami bawa Irdina ke hospital kemudian dimaklumkan doktor bahawa paras oksigennya menurun. Selepas pemeriksaan lanjut, baru kami tahu Irdina ada penyakit jantung namun reda kerana sudah tanggungjawab kami untuk membesarkannya," katanya ketika ditemubual pada sesi Google Meet, semalam.

Menurut Nurul Diana, selain pembedahan, Irdina sebelum ini dibawa menjalani rawatan enam bulan sekali yang kesemuanya dijalankan di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur.

Menurutnya, rawatan termasuk bekalan ubat untuk anaknya membatik kos sebanyak RM1,000 ditanggung

oleh Baitulmal, namun rawatan dan pembedahan sebelum ini tidak memadai.

"Oleh kerana itu, Irdina perlu menjalani pembedahan prosedur Fontan dan difahamkan, ia (pembedahan) yang terakhir. Risiko pembedahan adalah 50/50, namun doktor syorkan pembedahan itu dilakukan segera untuk kebaikan Irdina.

"Irdina tak tahu dia ada penyakit dan setiap kali ke hospital, saya beritahu jumpa doktor, cuma semalam (kelmarin) dia ada mengadu sakit kerana perlu masukkan kamera dalam badan untuk pemeriksaan," katanya.

Katanya, dia berharap orang ramai dapat membantu bagi membolehkan anaknya menjalani pembedahan seterusnya hidup normal se-

perti kanak-kanak lain.

"Jika diikutkan, Irdina aktif seperti kanak-kanak lain cuma tak dapat ke sekolah tadika macam biasa.

"Saya pernah hantar dia ke tadika sebelum ini, namun dia macam tak dapat sesuaikan diri dengan keadaan sekeliling hingga menangis daripada awal sampai saya ambil untuk bawa pulang.


"Jadi, saya dan suami ambil keputusan hantar Irdina ke pusat terapi swasta dalam dua kali sebulan di Taman Desa, Kluang, Johor sejak tahun lalu. Alhamdulillah, kami nampak perubahan apabila dia mula nak menulis dan berkawan," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk wang tunai atau cek dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan MEDIA PRIMA-NSTP.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun bank Tabung Kemanusiaan MEDIA PRIMA-NSTP (Maybank - 5141-0532-3170) atau Bank Muamalat (1401-0008-8427-18).





TAJUK : SI CILIK 'PAKAR' BAHASA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan
Muharam
am@hmetro.com.my

Si cilik 'pakar' bahasa

Kuala Lumpur

Kanak-kanak berusia 6 tahun sudah mengenali abjad Jawi, Rusia, Georgia, Tamil

Siapa sangka di sebalik usianya yang baru enam tahun, Nik Eusoff Nik Nurfaqih tidak hanya boleh bertutur bahasa ibunda malah sudah mengenali beberapa bahasa lain termasuk Tamil.

Nik Eusoff atau mesra dipanggil Eusoff yang tular selepas rakaman video membaca abjad Tamil dikongsi ibunya di TikTok mula menunjukkan minat terhadap pelbagai bahasa sejak usianya tiga tahun lagi.

Ibunya, Karina Imran, 34, berkata, Eusoff adalah anak tunggal dan minatnya dalam bahasa lain disedari apabila secara 'tiba-tiba' menghafal abjad jawi, selepas menonton video di YouTube.

"Bukan setakat menghafal, tulis pun boleh, itu ketika umurnya tiga tahun.

"Kami pun terkejut sebab tak pernah ajar kerana pada awalnya nak bagi dia fokus kepada abjad ABC dulu.

"Selepas Jawi, dia hafal abjad Rusia pula, kemudian Georgia, sekarang tiba-tiba dah hafal abjad Tamil," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Karina berkata, Eusoff turut dihantar ke kelas bahasa Mandarin sejak usianya lima tahun lagi sebagai persediaannya memasuki Sekolah Jenis Kebangsaan Cina berdekatan rumahnya.

Menurutnya, setiap hari dia akan cari dan buka video Mandarin bersesuaian yang boleh ditonton untuk beri pendedahan kepada Eusoff.

"Apa yang kelakarnya, jiran sebelah beritahu me-

reka terkejut kerana setiap hari dengar suara video Mandarin dari rumah saya.

"Bulan lalu, Eusoff menangis nak belajar bahasa Tamil pula dan mulanya saya tak ikut permintaannya kerana bimbang dia keliru apabila belajar banyak bahasa.

"Oleh kerana tak ikut permintaannya, Eusoff jadi 'moody' seharian dan sebab itu, saya turutkan permintaannya dengan beri tonton video video selain memuat turun aplikasi permainan video Tamil.

"Eusoff tak fasih bercakap cuma nampak dia cepat tangkap perkataan tertentu," katanya.

Karina berkata, dia dan suami akan menyokong apa jua minat Eusoff yang boleh membantu perkembangan mindanya.

Dia berkata, Eusoff kanak-kanak yang ceria dan aktif sejak kecil cuma pada awalnya lambat bercakap.

Katanya, pada usia dua tahun barulah Eusoff dapat menyambung tiga ke empat perkataan sekali gus.

"Apa yang pelik, sebahagian rambut Eusoff mula beruban



KARINA dan Nik Nurfaqih bersama anak tunggal mereka, Nik Eusoff.

NIK Eusoff gemar mempelajari pelbagai bahasa.

sejak dia berumur tiga tahun.


"Disebabkan itu, saya dan suami bawa Eusoff berjumpa pakar dan disahkan bukan autisme namun perlu menjalani beberapa ujian membatikan kromosom dan genetik untuk tahu jika ada masalah lain," katanya.

Karina berkata, perkembangan Eusoff dan segala aktivitiya turut dikongsi di TikTok dan Instagram (IG) untuk dijadikan memori peribadi.

"Tak sangka pun akan tular hingga ada yang nak tahu perkembangannya termasuk rakan sepejabat.

"Cuma, saya berharap perkongsian video itu sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa lain yang mungkin mempunyai anak seperti Eusoff," katanya.

"Bulan lalu, Eusoff menangis nak belajar bahasa Tamil pula dan mulanya saya tak ikut permintaannya kerana bimbang dia keliru apabila belajar banyak bahasa. Oleh kerana tak ikut permintaannya, Eusoff jadi 'moody' seharian dan sebab itu, saya turutkan permintaannya"



TAJUK : WANITA BERJOGING HADAPI DETIK 'CEMAS'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita berjoging hadapi detik 'cemas'

Petaling Jaya: Rutin seorang wanita berjoging bertukar detik cemas apabila terserempak dengan seorang lelaki sedang melakukan onani di Taman Bandaran Kelana Jaya, di sini, pada 27 Ogos lalu.

Wanita yang mahu dikenali sebagai Intan, 40-an, berkata ketika kejadian jam 7.10 malam itu, dia melakukan riadah sendirian di kawasan berkenaan.

"Ketika saya melakukan (joging) pusingan terakhir, saya nampak sekali imbas seorang lelaki berada di satu tempat duduk sedang beronani. Meskipun ada individu lain berhampiran lokasi itu, mereka tidak menyedarinya.

"Saya terkejut melihat perbuatan lelaki dianggarkan berusia antara 20-an ke 30-an itu meneruskan larian tanpa memaklumkan individu lain yang berada berhampiran kerana takut," katanya ketika dihubungi, semalam.

Intan berkata, sebelum kejadian, dia ada melihat lelaki terbabit yang me-

makai baju merah, seluar pendek serta topi berjoging di sekitar laluan lariannya, namun tidak mengesyaki sesuatu yang pelik.


"Saya perasan dia mengikuti saya dari belakang ketika berjoging, namun tidak mengesyaki apa-apa kerana beranggapan dia orang awam yang mahu membuat aktiviti riadah.

"Selepas kejadian itu, saya tidak lagi berjoging di kawasan rekreasi berkenaan dan hanya berjoging jika ditemani rakan kerana takut melakukan aktiviti riadah bersendirian," katanya.

Beliau yang juga kakitangan swasta membuat laporan di Balai Polis Kelana Jaya di sini, Sabtu lalu.

"Sejujurnya, saya trauma. Memikirkan lelaki itu mengekori saya sebelum kejadian mendorong saya tampil membuat laporan polis demi keselamatan orang lain," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan.



TAJUK :	COPS NAB PAIR OVER ALLEGED ROBBERY OF WOMAN IN MALL TOILET		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	06 SEPT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Cops nab pair over alleged robbery of woman in mall toilet

Desiree David

KUCHING: Two youths were arrested by police after a woman was robbed in the toilet of a shopping centre at Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Aduce, here last Saturday.

Acting Kuching police chief Supt Merbin Lisa, in a statement, said the 24-year-old victim was found injured by her boyfriend, with her jewellery and mobile phone taken by the duo.



Supt Merbin Lisa


"A police report on the incident was received at 3.53am on Sept 2 and acting on information received, police arrested two

suspects, both aged 19, at the location of the incident," he said.

Among the items recovered from one of the suspects were a ring, two gold chains and a luxury handbag, he added.

Merbin said the two suspects did not have prior criminal records, and they both tested negative for drugs.

Both are put on remand for further investigation under Section 394 of the Penal Code for causing hurt during a robbery, which provides for imprisonment of up to 20 years and a fine, or whipping, upon conviction.



TAJUK :	MINISTRY WILLING TO FACILITATE IMPLEMENTATION OF BAITUL MAHABBAH - NANCY		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	06 SEPT 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Ministry willing to facilitate implementation of Baitul Mahabbah — Nancy

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry (KPWK) is prepared to work with the Home Ministry (KDN) to facilitate the implementation of the Baitul Mahabbah shelter for foreign children.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the matter had been discussed before whereby it was agreed that KDN would provide the premises to be used as the shelter, while KPWK would provide the caregivers.

She said there were also some non-governmental organisations (NGOs) that had also expressed their willingness to accept the



Datuk Seri
Nancy Shukri

foreign children at their premises.

"Actually, the KDN had discussed with us (KPWK) to place the (foreign) children at our institution, but we have not been given the permission yet," he told reporters at the Artisans Development Association (PPA)'s RM1 million sale programme here

yesterday.

On Monday, Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said the ministry had opened the Baitul Mahabbah to provide temporary shelter for foreign children who were previously placed at immigration depots.

According to Saifuddin, the shelter is for children aged 10 and below, and for a start, the Immigration Department has relocated 23 children, along with 10 caregivers, comprising the mothers of the children concerned at the shelter.


They were from the Immigration depots in Bukit Jalil, Semenyih, KLIA and Eco

Millennium Beranang.

Regarding yesterday's programme, Nancy said PPA through The Artisans Haven had collected RM1 million in sales since its establishment in 2020.

This, she said, proved the creativity and dedication of women entrepreneurs and the community, besides reflecting the support of various parties to the group.

"The support from the corporate sector and the SME is very valuable. It not only helps promote the development of women entrepreneurs and the community, but also provides a positive social impact," she said. — Bernama



TAJUK : ROYAL FUNDRAISING DRIVE FOR KIDS WITH HEARING IMPAIRMENT

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Royal fundraising drive for kids with hearing impairment

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KLANG: Many children with hearing impairment spend their entire lives in a silent world due to their parents' inability to afford treatment for them.

In view of this, several members of the Selangor royal family have made an effort to raise funds for these children from needy families by taking up the challenge to scale Mount Kilimanjaro, the highest single free-standing mountain in the world at a height of 5,895m above sea level.

Led by Selangor Raja Muda Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin, the royal team comprises his brother-in-law Datuk Aubry Rahim Mennesson, cousins Datuk Syed Haizam Hishamuddin Putra Jamalullail and Tengku Ezrique Ezzuddean

Tengku Ardy Esfandiari.

Joining them is a friend, Keong Yeen Yeoh.

The group started their adventure on Aug 31 and is expected to complete the mission by Sept 11.

The funds collected will be used to set up a speech and hearing centre at Raja Tun Uda Library here.

Besides helping families with hearing-impaired children, the centre will also function as a conduit to empower hearing-impaired people.

Syed Haizam expressed concern over the financial difficulties that families with hearing-impaired children may face due to the significant cost they have to bear.

"My daughter was diagnosed with hearing impairment at the age of three, and she underwent cochlear implant surgery at the age of four.

"I realised that the cost of treatment can be a barrier to many in Malaysia," he added.

He said the to-be-set-up speech and hearing centre would offer free hearing tests and subsidise follow-up treatments for those in need.


On their Tanzania mission, Syed Haizam said the idea to scale Mount Kilimanjaro came about from their experience climbing Mount Kinabalu in 2012 with 23 disabled children from Cheshire Home.

"After that task, the Raja Muda and I discussed what our next adventure would be, and we chose Kilimanjaro," he added.

Those who wish to support this cause can contribute via bank transfer to the Affin Islamic Bank account (No: 1059 9003 9549) of Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda (Swift Code: AIBBMYKL).



Kilimanjaro mission: (From left) Yeoh, Aubry Rahim, Tengku Amir Shah, Tengku Ezrique Ezzuddean and Syed Haizam in Tanzania.



TAJUK : KPWKM SEDIA BANTU LANCARKAN BAITUL MAHABBAH

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPWKM sedia bantu lancarkan Baitul Mahabbah

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedia bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membantu melancarkan inisiatif penempatan sementara Baitul Mahabbah bagi kanak-kanak warga asing.

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri berkata perbincangan awal sebelum ini telah bersetuju supaya KDN menyediakan premis untuk penempatan sementara manakala KPWKM menawarkan khidmat penjaga.

Beliau berkata ketika ini beberapa badan bukan kerajaan (NGO) juga telah menyatakan kesediaan untuk menerima kanak-kanak warga asing itu di premis mereka.

“Sebenarnya sebelum ini memang KDN sudah berbincang dengan kita (KPWKM) untuk menempatkan di institusi kami, tetapi kalau secara segera itu kami belum mendapat kebenaran lagi,” katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan jualan RM1 juta Persatuan Pembangunan Artisans (PPA) di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata KDN telah membuka penempatan sementara Baitul Mahabbah bagi kanak-



ALBUM: Nancy bergambar bersama penerima sijil pada Majlis 'Meraikan Jualan RM1 Juta' Persatuan Pembangunan Artisans di Kuala Lumpur semalam. Turut hadir Mohar Ibrahim. — Gambar Bernama

kanak warga asing yang sebelum ini ditempatkan di depot imigresen.

Saifuddin berkata Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan menempatkan kanak-kanak berumur kurang 10 tahun di penempatan berkenaan, dan sebagai permulaan terdapat 23 kanak-kanak warga asing serta 10 penjaga terdiri daripada ibu kanak-kanak itu berada di pusat tersebut.

Warga asing terlibat dalam inisiatif itu terdiri daripada kanak-kanak dan ibu kanak-kanak dari Depot Imigresen Bukit Jalil, Depot

Imigresen KLIA dan Depot Imigresen Eco Millennium Beranang.

Mengenai program hari ini, Nancy berkata PPA menerusi The Artisans Haven telah mengutip RM1 juta jualan sejak penubuhannya pada 2020.

Beliau berkata hasil jualan itu membuktikan kreativiti serta dedikasi usahawan wanita dan komuniti, selain mencerminkan sokongan pelbagai pihak kepada golongan tersebut.

“Saya difahamkan bahawa 10 peratus dari keseluruhan jualan tersebut datang dari entiti korporat dan

perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang ingin menyokong dan memperkasa komuniti wanita dan perniagaan kecil tempatan.

“Sokongan daripada sektor korporat dan SME ini amat bernilai. Ia bukan sahaja membantu mendorong perkembangan usahawan wanita dan komuniti, malah memberikan impak sosial yang positif,” katanya.

Justeru, beliau menyeru syarikat korporat lain untuk mengikut jejak langkah sama untuk memperkasakan usahawan wanita, komuniti dan individu yang memerlukan bantuan. — Bernama



TAJUK :	POLIS BERJAYA SELESAIKAN KES SAMUN DI TANDAS PUSAT BELI-BELAH		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	06 SEPT 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Polis berjaya selesaikan kes samun di tandas pusat beli-belah

KUCHING: Polis berjaya menyelesaikan kes samun di tandas sebuah pusat beli-belah di Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce di sini dalam tempoh 24 jam selepas menahan dua remaja lelaki yang dikatakan mencederakan seorang wanita berusia 24 tahun dan melarikan barang kemas serta telefon bimbit milik mangsa Sabtu lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kuching Superintenden Merbin Lisa memberitahu, pihaknya telah menahan kedua-dua suspek warga tempatan berusia 19 tahun di lokasi kejadian selepas menerima laporan kejadian pada Sabtu kira-kira jam 3.53 pagi.

“Semasa tangkapan dilakukan, turut dirampas daripada salah seorang suspek

ialah sehelai baju berwarna hitam, sebutuk cincin, dua utas rantai emas dan sebuah beg tangan.

“Semakan kedua-dua suspek tidak mempunyai rekod lampau dan hasil ujian saringan awal air kencing adalah negatif dadah.

“Dengan tertangkapnya suspek di atas, pihak polis telah berjaya menyelesaikan kes ini dalam tempoh 24 jam,” ujarnya menerusi kenyataan semalam.

Beliau berkata, salah seorang daripada lelaki itu direman oleh Mahkamah Majistret di sini selama lima hari bermula kelmarin hingga 9 September ini.

Manakala seorang lagi lelaki direman selama enam hari bermula semalam hingga 10 September untuk siasatan

lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 394 Kanun Keseksaan iaitu melakukan samun sehingga mendatangkan cedera, yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebat.

Dalam kejadian itu, mangsa ditemui oleh teman lakinya dalam keadaan cedera di dalam tandas sebuah pusat beli-belah di Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce pada 2 September, kira-kira jam 3.53 pagi dengan barang kemas serta telefon bimbit milik mangsa telah dilarikan suspek.


Sementara itu, Merbin mengingatkan orang ramai agar tidak sewenangnyanya mengeluarkan sebarang kenyataan atau komen



MERBIN

tidak benar atau tidak tepat berkaitan kejadian tersebut.

Tindakan boleh diambil di bawah undang-undang sedia ada.



TAJUK : WANITA MAUT DIPATUK ULAR KETIKA CARI SIPUT

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 06 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita maut dipatuk ular ketika cari siput

Mayat mangsa ditemui penduduk di tepi Sungai Hulu Machan, jam 8.15 malam Ahad lalu

Oleh Michael Ubam

KANOWIT: Seorang wanita ditemui maut selepas dipercayai dipatuk ular ketika mencari siput di Sungai Hulu Machan dekat sini malam Ahad lalu.

Mangsa, Florence Galu, 48, ditemui tidak bernyawa oleh beberapa penduduk kampung di tepi Sungai Hulu Machan dekat sini sekitar jam 8.15 malam.

Ketua Polis Daerah Kanowit DSP Tega Bilong berkata, mangsa turun ke Sungai Hulu Machan seorang diri untuk mencari siput jam 4 petang pada 2 September lalu.

“Berdasarkan laporan dibuat keluarga mangsa, mangsa gagal pulang ke rumah pada Ahad lalu, memaksa keluarganya memaklumkan perkara itu kepada Tuai Rumah Rundang Bana yang kemudian membawa penduduk rumah panjang pergi mencari mangsa.

“Mayat mangsa berjaya



DIPATUK ULAR: Kesan dipatuk ular pada pergelangan tangan kanan mangsa.

ditemui penduduk kampung di tebing sungai kira-kira 30 meter dari Rumah Rundang pada malam Ahad lalu,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, mayat mang-

sa kemudian dibawa terus penduduk kampung ke rumah panjang mereka.

“Hasil siasatan awal mendapati mangsa dipercayai dipatuk ular di pergelangan tangan sebelah kanan.

“Berdasarkan laporan dibuat keluarga mangsa, mangsa gagal pulang ke rumah pada Ahad lalu, memaksa keluarganya memaklumkan perkara itu kepada Tuai Rumah Rundang Bana yang kemudian membawa penduduk rumah panjang pergi mencari mangsa.”

DSP Tega Bilong
Ketua Polis Daerah Kanowit

“Kesan patukan ular itu sangat jelas namun tidak dapat dipastikan jenis ular terbabit,” katanya.

Tega berkata, pemeriksaan lanjut juga mendapati tiada kesan-kesan lain mencurigakan pada tubuh mangsa.

Katanya, waris mangsa tidak dapat membuat laporan polis di Balai Polis Kanowit sejurus selepas kejadian memandangkan lokasi tempat kejadian jauh serta keadaan

air sungai cetek menggunakan perahu.

“Perjalanan darat dari pekan Machan ke Jeti Jerangku, Hulu Machan mengambil masa satu jam dan perjalanan menggunakan perahu ke Rumah Rundang menyusuri Sungai Hulu Machan mengambil masa satu jam lagi,” jelasnya.

Kes diklasifikasikan sebagai laporan mati mengejut (SDR).